جابتن ڤرخدمتن ايليكتريک
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SENARAI TAWARAN & SEBUTHARGA JPE

NOVEMBER - DISEMBER 2026





Dibuat pada: 14 NOVEMBER 2026

BIL .TAWARAN / SEBUTHARGA	TAJUK TAWARAN / SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP	YURAN DOKUMEN	KELAYAKAN
JPE/SBH/JAN/243/2026	Supply And Delivery Of Lube Oil Cooling Motor (88FC) For Frame 5 Turbine At Lumut Power Station.	21/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$10.00	*P05.*
JPE/SBH/DIS/255/2026	Supply And Delivery Of Resin Injection Type Straight Through Joint Kits For Brunei Muara District.	21/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$10.00	*P05.*
JPE/SBH/DIS/256/2026	Supply And Delivery Of 150sqmm/4c Lv Abc Cable For Brunei Muara District.	21/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$10.00	*P05.*
JPE/SBH/KOP/236/2026	Provision Of Security Guard Services For DES Seria And Kuala Belait For 5 Months (Interim).	21/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	*ROCBN Dan Syarikat Sekuriti Yang Berdaftar Dengan Pasukan Polis Diraja Brunei.*
JPE/SBH/TRA/296/2026	Provision Of Manpower And Logistic For Rectification Works Of Transmission Network Over A Period Of Twelve (12) Months.	21/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	*Kelas 3 ,4 atau 5 dalam kategori E02 Dan E03 Serta Mempunyai Pekerja Mahir dan Terlatih Bagi Kerja-Kerja Diatas Menara Penghantaran Dan Memiliki Sijil Kelayakan "HV Application", "Working At Height (WAH)" Dan Contractor Safety Awareness (CSA) Yang Sah.*
JPE/SBH/DIS/196/2026	General Maintenance Of Selective 11KV Main Intake Station In Brunei Muara District.	28/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$10.00	*Kelas 2 Atau 3 Dalam Kategori B01 Dan E01 Serta Mempunyai Passkad E01.*
JPE/SBH/JAN/262/2026	Supply And Delivery Of Turbine Support Leg For Frame 6B Gas Turbine At Gadong Power Station 2.	28/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$10.00	*P05.*


BIL .TAWARAN / SEBUTHARGA	TAJUK TAWARAN / SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP	YURAN DOKUMEN	KELAYAKAN
JPE/SBH/BPP/273/2026	Maintenance Of Street Lightings For Kuala Belait Area (FSOR).	28/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	*Kelas 3, 4 Atau 5 Dalam Kategori E01 Dan E02*
JPE/SBH/BPP/275/2026	Supply And Delivery Of Low Voltage Aerial Bundle Cable (ABC) For Unit Operasi & Pemeliharaan Central, Bandar Seri Begawan.	28/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	*P05*
JPE/SBH/BPP/276/2026	Low Voltage Cable Fault Locating Works For Customer Services Section.	28/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	*Kelas 2, 3 Atau 4 Dalam Kategori E01 Dan E02*
JPE/SBH/BPP/283/2026	Provision Of Manpower For Low Voltage Remedial Works Under Street Lighting Unit Customer Services.	28/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	*Kelas 3, 4 Atau 5 Dalam Kategori E01 Dan E02*
JPE/SBH/BPP/284/2026	Provision Of Manpower For Street Lighting Unit In Tutong District (Recall).	28/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	*Kelas 2, 3 Atau 4 Dalam Kategori E01 Dan E02*
JPE/SBH/BPP/305/2026	Maintenance Of Outdoor Lighting At Kg Ayer.	28/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	*Kelas 3, 4 Atau 5 Dalam Kategori E01 Dan E02*
JPE/SBH/BPP/306/2026	Maintenance Of Street Lights For Seria Zones.	28/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	*Kelas 3, 4 Atau 5 Dalam Kategori E01 Dan E02 Dan Mempunyai Pekerja Mahir Yang Berdaftar Dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik serta mempunyai peralatan / kemudahan logistik untuk mengendali kerja Tersebut.*

BIL .TAWARAN / SEBUTHARGA	TAJUK TAWARAN / SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP	YURAN DOKUMEN	KELAYAKAN
JPE/SBH/BPP/292/2026	Provision Of Manpower For Low Voltage Remedial Works In Sengkurong Area.	28/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	***Kelas 2,3 Atau 4 Dalam Kategori E01 Dan E02***
JPE/SBH/JAN/263/2026	Cleaning Services At Tenaga Suria Brunei For A Period Of Two (2) Years.	28/11/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	***Kelas 1 Atau 2 Dalam Kategori S02***
JPE/SBH/JAN/252/2026	Provision Of Manpower Clearing Works At Bukit Panggal Power Station, Tutong.	12/12/2026 SABTU @9.00 PAGI	$5.00	***ROCBN***

BIL .TAWARAN / SEBUTHARGA	TAJUK TAWARAN / SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP	YURAN DOKUMEN	KELAYAKAN
JPE/LTK/PSP/047/2026	Design And Engineering Consultancy Services For New 132kv Rated Substation And Overheadlines From Bukit Panggal Power (Bpps) To Lugu Substation And Associated Segments.	24/11/2026 SELASA @2.00 Petang	$100.00	*Syarikat-syarikat Konsultan Yang Mempunyai Jurutera Professional (Mekanical dan Elektrikal) Dengan Practicing Certificate Yang Sah Dan Berdaftar Dengan BAPEQS, Kementerian Pembangunan.*
JPE/LTK/PSP/004/2026	Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of a 25/30MVA ONAN/ONAF 132/66/11KV Power Transformer At Setia Diraja Substation, Kuala Belait.	24/11/2026 SELASA @2.00 Petang	$500.00	*Kelas 4,5 Atau 6 Dalam Kategori E03.*
JPE/LTK/KOP/062/2026	Provision Of 2nd Level Customer Support Agents For Des Customer Services Center, Brunei Muara District For A Period Of 3 Years.	24/11/2026 SELASA @2.00 Petang	$50.00	*ROCBN.*
JPE/LTK/JAN/057/2026	Supply And Delivery Of Gas Turbine Air Inlet Filter Cartridges For Lumut Power Station.	24/11/2026 SELASA @2.00 Petang	$30.00	*P05.*
JPE/LTK/KOP/066/2026	Supply And Delivery Of 11kv Non-extensible Smart Ring Main Unit.	24/11/2026 SELASA @2.00 Petang	$1000.00	*Kategori P05 Dan " Akta Syarikat2 Penggal 39" Serta Memiliki "Perakaun Penubuhan Syarikat Persendirian" Yang Sah Sahaja.*
JPE/LTK/DIS/051/2026	Replacement Of 11kv Switchgear At Lamunin Main Intake Station In Tutong District.	24/11/2026 SELASA @2.00 Petang	$500.00	*Kelas 3,4 Atau 5 Dalam Kategori E03 serta mempunyai passkad E03.*
JPE/LTK/KOP/063/2026	Provision Of Security Guards Services For 66/11kv Substations Statewide, Over A Period Of Sixty (60) Months.	24/11/2026 SELASA @2.00 Petang	$1000.00	*Rocbn Dan Syarikat Sekuriti Yang Berdaftar Dengan Pasukan Polis Diraja Brunei.*
JPE/LTK/AMS/068/2026	Cleaning Services At Department Of Electrical Services Tutong (New & Old Building) For A Period Of Sixty (60) Months.	24/11/2026 SELASA @2.00 Petang	$30.00	*ROCBN.*

BIL .TAWARAN / SEBUTHARGA	TAJUK TAWARAN / SEBUTHARGA	TARIKH TUTUP	YURAN DOKUMEN	KELAYAKAN
JPE/LTK/JAN/065/2026 *	Cleaning Services At Gadong Power Station 2 For A Period Of Three (3) Years.	08/12/2026 SELASA @2.00 Petang	$30.00	*ROCBN*

NOTIS KEPADA SEMUA PENENDER (KONTRAKTOR/PEMBEKAL)




Dipohonkan kerjasama kontraktor/pembekal untuk menyediakan dokumen-dokumen dibawah sebelum Unit Tawaran dan Sebutharga dapat mengeluarkan sebarang dokumen tawaran/sebutharga:-

- **Surat Wakil/Kebenaran untuk membeli Dokumen bagi pihak Syarikat.**
- **Salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal dari Kementerian Pembangunan.**
- **Sebarang Dokumentasi yang tidak lengkap, tidak akan dilayan**

NOTA: Sila pastikan dokumen-dokumen ini ada terlebih dahulu bagi memudahkan kerja-kerja pengurusan.

Perhatian dan kerjasama biskita adalah sangat dihargai. Terima Kasih!

NOTICE TO ALL BIDDERS (CONTRACTOR/SUPPLIER)



Please be informed that before the Tender Unit can issue any tender/quotation, kindly furnish the following documentation:-

- **Authorized letter to purchase the document on-behalf of the company.**
- **Copy of MOD's Contractor and Supplier Registration Certificate.**
- **Any incomplete documentation will not be entertained.**

NOTE: Kindly make sure you have all the documentations in order for us to process efficiently.

Your kind attention and cooperation is highly appreciated. Thank You!

TEMPAT TUTUP BAGI SEBUTHARGA JPE



KOTAK SEBUTHARGA, TINGKAT 4, BANGUNAN JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BB 3510

TEMPAT TUTUP BAGI TAWARAN-TAWARAN JPE



PETI TAWARAN, JABATAN PERDANA MENTERI
LOBI UTAMA, ARAS 1,
BANGUNAN JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TERMA DAN SYARAT MENYERTAI SEBUTHARGA DAN TAWARAN

A. Kelayakan Penyertaan

Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat pembekal atau syarikat-syarikat kontraktor yang berdaftar dan berkelayakan bagi membekalkan barangan atau mengendalikan perkhidmatan sebagaimana kelayakan yang dinyatakan dalam iklan sebutharga yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

B. Syarat-syarat Mengisikan Dokumen Sebutharga

1. Semua dokumen sebutharga hendaklah dilengkapkan sepenuhnya secara ditaip atau bertulis menggunakan dakwat.
2. Sebarang pembetulan hendaklah dibuat dengan memotong maklumat asal dan disahkan melalui tandatangan serta cop rasmi syarikat.
3. Dokumen yang tidak lengkap atau tidak mematuhi keperluan akan dianggap tidak sah dan tidak dipetimbangkan.
4. Memastikan Form of Quotation/Tender diisikan dengan lengkap, dan memastikan jumlah dalam angka selaras dengan jumlah dalam perkataan.

C. Penyerahan/Penghantaran Sebutharga

Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang telah dinyatakan dan ditetapkan. Dokumen yang dihantar ke alamat atau peti yang salah tidak akan diterima untuk dinilai.

Berikut adalah alamat rasmi bagi menghadapkan borang **Sebutharga** yang telah lengkap diisikan:

Kotak Sebutharga
Tingkat 4,
Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Lapangan Terbang Lama Berakas, BSB BB3510
Negara Brunei Darussalam

Manakala berikut adalah alamat rasmi bagi menghadapkan borang **Tawaran** yang telah lengkap diisikan:

Peti Tawaran
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

D. Tempoh Pengiklanan dan Penutupan

1. Sebutharga akan ditutup pada setiap Hari Sabtu, jam **9:00 pagi.**
2. Sebutharga yang diterima selepas tarikh dan masa penutupan tidak akan dipertimbangkan.
3. Sekiranya tarikh penutupan bertepatan dengan / jatuh pada hari kelepasan awam, penutupan akan ditangguhkan ke Hari Sabtu berikutnya pada jam yang sama.

E. Keperluan dan Pematuhan Tawaran

1. Tawaran hendaklah mematuhi sepenuhnya spesifikasi dan skop kerja yang diiklankan.
2. Tawaran bagi barangan terpakai, tiruan, tidak tulen (*non-genuine*) atau yang telah diperbaiki adalah tidak dibenarkan.
3. Pembekal adalah diminta untuk menyertakan dokumen pengesahan keaslian barangan atau bukti pengesahan sebagai pengedar yang sah/dibenarkan, sekiranya perlu.

F. Bilangan Tawaran

Setiap satu (1) borang sebutharga adalah untuk **satu (1) tawaran sahaja**.

Sekiranya syarikat atau pembekal ingin menawarkan lebih daripada satu (1) tawaran, pembekal atau syarikat hendaklah membuat pembelian borang sebutharga yang berasingan bagi setiap tawaran.

G. Contoh dan Katalog

Sekiranya contoh/katalog ditetapkan sebagai keperluan mandatori, pembekal hendaklah menghadapkan contoh/katalog tersebut bersama dokumen sebutharga sebelum atau semasa penyerahan/penghantaran dokumen sebutharga **sebelum tarikh tutup** yang ditetapkan. Kegagalan mematuhi keperluan ini boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.

H. Pertimbangan dan Keputusan

Jabatan Perkhidmatan Elektrik tidak terikat untuk menawarkan sebutharga dengan harga yang terendah. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhak menerima keseluruhan atau sebahagian (*partial award*) tawaran mengikut keperluan yang ditetapkan/dicadangkan. Harga yang ditawarkan hendaklah dikekalkan tanpa sebarang perubahan sekiranya sebahagian tawaran (*partial award*) dipilih.

I. Kelayakan dan Sekatan

Penyertaan sebutharga adalah tidak dibenarkan sekiranya pihak Syarikat didapati:

- Mempunyai pemilik, pemegang saham atau pekerja yang sama dengan syarikat lain yang turut menyertai sebutharga tersebut;
- Kegagalan mengisytiharkan pertalian keluarga (ibu, bapa, suami, isteri atau anak) antara pemilik atau pemegang saham dengan syarikat lain yang menyertai sebutharga yang sama; atau
- Didapati terlibat dalam pakatan sulit dengan syarikat lain dalam mengemukakan tawaran.

J. Keperluan Katalog dan Dokumen Sokongan

Pembekal hendaklah menghadapkan katalog berwarna (*colour catalogue*) yang dikeluarkan oleh pihak *Original Equipment Manufacturer* (OEM) / *brochure sheet* / keterangan barang (*product description*) yang lengkap dan jelas sebagai dokumen sokongan kepada tawaran.

Keterangan barang **tidak akan diterima sebagai katalog,** sekiranya:

- Gambar barangan tanpa keterangan;
- Salinan spesifikasi asal yang diiklankan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

K. Ketidakpatuhan Sebutharga

Sebutharga tidak akan diterima dan dipertimbangkan, jika didapati:

- Tidak menggunakan dokumen sebutharga yang disediakan;
- Dokumen sebutharga tidak diisi sepenuhnya;
- Tiada tandatangan dan cop Syarikat didalam *Form of Quotation* / *Form of Tender*;
- Sebutharga diterima selepas tarikh dan masa penutupan;
- Sebutharga dihantar ke alamat peti sebutharga yang tidak betul;
- Syarikat yang didalam tempoh tegahan daripada menyertai sebutharga atau tawaran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
- Menawarkan barangan terpakai, tiruan, tidak tulen atau telah diperbaiki.

L. Tindakan dan Penguatkuasaan

Pembekal yang gagal mematuhi peraturan dan tatacara sebutharga boleh dikenakan tindakan **tegahan** bagi beberapa tempoh yang ditetapkan daripada menyertai mana-mana sebutharga atau tawaran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sekiranya Pembekal:

- Penender menarik diri selepas tarikh tutup sebutharga;
- Penender enggan memenuhi tawaran selepas diberikan kebenaran samaada melalui kontrak atau pesanan-pesanan rasmi seperti inden, work order dan lain-lain;
- Penender menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak selepas tawaran diterima atau selepas tawaran/kontrak dimulakan;
- Penender gagal untuk menjawab surat penerimaan tawaran dalam tempoh yang diberikan;
- Penender enggan menandatangani kontrak selepas pemberian tawaran;
- Penender gagal mematuhi segala syarat-syarat dibawah perjanjian kontrak atau pesanan rasmi atau tidak dapat melaksanakan/menyiapkan projek;
- Penender didapati memberikan maklumat palsu.